

SOALAN NO: 59

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID

TARIKH: 7 APRIL 2015

SOALAN:

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA menyatakan apakah jaminan Kerajaan terhadap pindaan Akta Kesatuan 1959 dipinda agar proses pengiktirafan kesatuan dapat dilaksanakan dengan lebih baik.**

PR-1331-L66910

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

1. Di bawah undang-undang Malaysia, kesatuan sekerja pekerja perlu mendapatkan pengiktirafan terlebih dahulu daripada majikan atau kesatuan sekerja majikan sebelum boleh memulakan proses perundingan kolektif (*collective bargaining*). Akta Perhubungan Perusahaan 1967 (Akta 177) dan Akta Kesatuan Sekerja 1959 (Akta

262) telah menyediakan proses tuntutan pengiktirafan yang perlu dilalui sebelum sesebuah kesatuan sekerja pekerja mendapat pengiktirafan.

Tuan Yang Di Pertua,

2. Pihak Kerajaan melalui Kementerian Sumber Manusia adalah terbuka terhadap sebarang cadangan penambahbaikan terhadap Akta 177 dan Akta 262. Buat masa ini, pihak Kementerian Sumber Manusia sedang mengumpul maklum balas serta cadangan daripada pelbagai pihak yang berkepentingan bagi tujuan pindaan holistik yang akan dilakukan ke atas kedua-dua akta tersebut tidak lama lagi. Ini termasuk cadangan penambahbaikan terhadap proses tuntutan pengiktirafan.